

**Mesyuarat MT Umno dibatalkan**  
**Malaysiakini.com**  
**Aug 28, 2008**

Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno yang sepatutnya dipengerusikan oleh presidennya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada jam 8 malam ini tidak jadi diadakan.

Ia dibatalkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Perkara itu disahkan oleh setiausaha kerja ibu pejabat Umno, Datuk Husainay Hashim petang ini.

Pada lazimnya, presiden Umno yang juga perdana menteri akan membentangkan isu-isu ekonomi yang akan menjadi dasar kerajaan dalam bajet tahunan negara.

Selain itu, mesyuarat MT dipercayai akan membincangkan kekalahan teruk calon BN daripada parti itu dalam pilihanraya kecil Permatang Pauh kelmarin.

Sehingga saat ini, tiada tarikh baru mesyuarata MT diumumkan kepada media.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/88767>